

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN RUSNAH BINTI ALUAI  
[TANGGA BATU]**

**TARIKH : 7 OKTOBER 2019 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk mengecualikan pelajar-pelajar lepasan Institusi Tahfiz mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia sebagai syarat untuk mendapatkan pekerjaan dalam jabatan-jabatan Kerajaan.

**JAWAPAN : (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF, MENTERI  
DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada masa ini menentukan pengambilan calon ke dalam perkhidmatan awam memenuhi syarat lantikan dalam skim perkhidmatan yang berkuatkuasa mengikut peringkat kelayakan akademik calon seperti yang berikut:

Gred 11: PT3/PMR;

Gred 19: SPM

Gred 29 : STPM/Diploma

Gred 41: Ijazah Sarjana Muda

2. Bagi pelajar tahfiz yang memiliki Diploma atau Ijazah Sarjana Muda boleh dilantik ke dalam perkhidmatan awam tanpa perlu memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Walau bagaimanapun, berdasarkan Pekeliling 1 tahun 2016, semua lantikan ke perkhidmatan awam perlu memenuhi syarat lulus atau kepujian Bahasa Melayu peringkat SPM (berdasarkan skim perkhidmatan tertentu). Justeru, syarat tersebut perlu dipatuhi dan bagi memenuhi syarat tersebut, calon boleh mengambil peperiksaan Bahasa Melayu sebagai mata pelajaran tunggal dalam peperiksaan SPM.

3. Dalam masa yang sama, Kerajaan juga sedang merancang inisiatif untuk membolehkan pelajar-pelajar tahfiz di institusi tahfiz swasta yang berdaftar menduduki peperiksaan SPM di sekolah-sekolah KPM terpilih. Di samping itu juga, di bawah inisiatif Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) melalui model tahfiz dengan kemahiran, JAKIM dan KPM serta beberapa agensi berkaitan telah membangunkan program tahfiz TVET bagi menyediakan pelajar-pelajar ini dengan kemahiran tertentu sebagai tambah nilai untuk pasaran pekerjaan.

Sekian, terima kasih.